

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2019 KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP), 299 PEGAWAI TERIMA PENGHARGAAN

PUTRAJAYA, 20 FEBRUARI 2020 – Seramai lima (5) Ketua Jabatan menerima **Anugerah Khas KPDNHEP** dalam majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2019 yang diadakan di **Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya** hari ini. Secara keseluruhannya **seramai 299 orang pegawai KPDNHEP** seluruh negara terpilih untuk menerima penghargaan pada majlis tersebut.

Sementara itu, **seramai 270 kakitangan** dipilih menerima **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang** bagi tahun 2019 di atas prestasi dan menunjukkan pencapaian kerja yang tinggi, manakala **29 lagi menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang** bagi tahun 2019.

Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail telah menyampaikan anugerah kepada semua penerima. Hadir sama, Ketua Setiausaha, Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad, Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha, Pengarah-pengarah Bahagian KPDNHEP serta Ketua-ketua Agensi di bawah kementerian ini.